



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Tukang kebun rugi RM6,930 ditipu `pegawai SSM`
Publication/Portal: Kosmo
Date: 13 November 2021

Language: Malay
Section: Negara
Page: 17

Tukang kebun rugi RM6,930 ditipu 'pegawai SSM'

KUANTAN - Gara-gara diugut terlibat dalam aktiviti jenayah, seorang tukang kebun dari Karak, Bentong akhirnya mengalami kerugian RM6,930 selepas ditipu individu yang menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian bermula apabila mangsa yang berusia 40 tahun menerima panggilan telefon daripada suspek pukul 10.38 pagi semalam.

"Mangsa terima panggilan daripada nombor tidak dikenali yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Pusat SSM Cyberjaya.

"Individu terbabit mendakwa mangsa mempunyai tunggakan


cukai sebanyak RM58,000.

"Selain itu, mangsa juga didakwa terlibat dalam aktiviti penye- ludupan dadah dan penggelapan wang haram," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, mangsa kemudiannya diminta menekan pau- tan yang diberikan suspek serta mengisi butiran maklumat bank sebelum mangsa mengikut ar- han itu tanpa berfikir panjang.

Selepas itu, katanya, mangsa telah menyemak baki akaun bank miliknya dan mendapati, wang simpanannya berkurangan sebanyak RM6,930.

"Semakan mendapati, wang itu telah dipindahkan ke akaun lain melalui satu transaksi. Mang- sa yang berasa dirinya telah diti- pu telah membuat laporan polis," ujarnya.



ORANG ramai diminta berhati-hati dengan panggilan tidak dikenali bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan. - GAMBAR HIASAN